

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
PERTANYAAN LISAN**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN WAN HASAN BIN MOHD RAMLI**

**TARIKH : 26 NOVEMBER 2015**

**NO. RUJUKAN : DR055**

**SOALAN :**

**Tuan Wan Hasan bin Mohd Ramli [ Dungun ] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan apakah langkah yang telah diambil untuk mengatasi pencemaran udara dan kesan sampingan terhadap keselamatan dan kesihatan rakyat khususnya berkaitan dengan perlombongan bauksit secara terbuka di Kuantan.**

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Dari sudut perundangan, aktiviti perlombongan ini sebenarnya adalah di bawah bidangkuasa Kerajaan Negeri dan ianya tidak tertakluk kepada Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 yang dikuatkuasakan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) memandangkan saiznya yang kurang dari 10 hektar.

Melalui beberapa siri perbincangan dua hala yang telah diadakan di antara agensi Persekutuan khususnya agensi di bawah Kementerian ini bersama Kerajaan Negeri Pahang, beberapa langkah-langkah pencegahan pencemaran telah pun dan sedang dilaksanakan oleh pelbagai agensi yang terlibat seperti (input BMG). Pihak Kementerian juga telah mengenalpasti dan menyarankan supaya pelaksanaan *Best Management Practices* (BMPs) bagi menambahbaik kaedah pengurusan aktiviti perlombongan, pengangkutan dan *stockpile* bauksit di Pelabuhan Kuantan perlu dilaksanakan dan dipantau oleh pihak berwajib bagi meminimalkan pencemaran oleh industri perlombongan bauksit tersebut.

Pada masa yang sama, Kementerian melalui JAS akan terus memantau kualiti ambien bagi udara, air sungai dan marin di lokasi strategik yang berpotensi berlakunya pencemaran dari aktiviti bauksit ini bagi menentukan status kualiti alam sekitar di kawasan yang terlibat.

Tindakan oleh Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) Pahang seperti berikut:

- (i) Menetapkan syarat pembinaan *washing bay* dan mewajibkan pencucian lori;
- (ii) meminta pengusaha menyediakan dan melaksanakan perancangan langkah kawalan hakisan dan kolam takungan hampas yang berkesan;
- (iii) menjalankan pemantauan habuk [dust profiling] dan persampelan air yang lebih kerap; dan
- (iv) Mengarahkan pengusaha perlu mendirikan papan tanda maklumat berkaitan operasi pengekstrakan bauksit.